

KENYATAAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

5 JUN 2020

SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2020 PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2020 Peringkat Negeri Sembilan diadakan secara sederhana disebabkan negara kita masih lagi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat sehingga 9 Jun ini dengan tema '**Time for Nature**' atau '**Waktunya untuk Alam**'. Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menganjurkan aktiviti sempena sambutan tersebut seperti Gimik Pelancaran sambutan oleh YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan pada 4 Jun 2020 dan aktiviti penanaman pokok di kalangan industri di Negeri Sembilan serta warga kerja JAS Negeri Sembilan. Hebahan mengenai sambutan seperti gambar dan video juga dikongsi secara dalam talian melalui laman media sosial Facebook rasmi Jabatan Alam Sekitar yang mana saya percaya perkongsian seperti ini juga berupaya memeriahkan sambutan pada tahun ini.

Majlis Perasmian ringkas Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2020 Peringkat Negeri Sembilan dianjurkan sebagai memenuhi objektif iaitu:

- (i) Mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara meluas di kalangan orang awam dari pelbagai lapisan masyarakat;
- (ii) Menyediakan platform kepada masyarakat untuk bersama-sama dalam menghayati alam sekitar;
- (iii) Memupuk kesedaran di kalangan masyarakat khususnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar; dan
- (iv) Meningkatkan dan mengukuhkan jalinan kerjasama antara Jabatan dan Kementerian dengan pihak luar seperti Kerajaan Negeri, industri, swasta, badan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi, media dan masyarakat setempat.

Hari Alam Sekitar Sedunia adalah satu acara tahunan yang disambut pada 5 Jun setiap tahun oleh masyarakat di 143 negara seluruh dunia. Sambutan ini bertujuan meningkatkan tahap kesedaran dunia terhadap isu alam sekitar serta mempertingkatkan tindakan dan penglibatan dalam mengurangkan perubahan alam sekitar. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia adalah sebagai hari peringatan untuk masyarakat supaya sentiasa mengambil bahagian dalam tindakan perlindungan terhadap iklim, menggunakan sumber dengan lestari serta mengamalkan gaya hidup yang mesra alam.

Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa menyokong usaha-usaha JAS ke arah kelestarian alam sekitar yang dilihat bertepatan dengan slogan Kerajaan iaitu Bersih, Muafakat dan Sejahtera dalam memacu halatujut pembangunan negeri ini.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan menjalankan kempen penanaman pokok bagi mengurangkan kesan pemanasan global melalui penyerapan karbon dioksida. Pemuliharaan dan pemeliharaan sumber asli negara dapat membendung pelbagai masalah pencemaran dan bencana alam.

Walaupun sambutan yang diadakan secara sederhana, pelaksanaan program yang dirancang menunjukkan tahap keseriusan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan dalam memelihara dan memulihara alam sekitar di Negeri Sembilan.

Saya percaya sambutan seperti ini akan menjadi inspirasi kepada kita untuk lebih menghargai, melindungi dan memelihara alam sekitar kerana manusia memerlukan sumber dari alam untuk meneruskan kehidupan seharian dan mewariskan alam ini kepada generasi masa hadapan. Waktunya untuk Alam.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

5 JUN 2020